



## **SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

**GRED JAWATAN/GAJI** : N1

**JADUAL GAJI** :

<b>GAJI MINIMUM</b> RM 1,500.00	<b>GAJI MAKSIMUM</b> RM 4,680.00	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b> RM 100.00
------------------------------------	-------------------------------------	---

### **ELAUN:**

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM 115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM 350.00

### **SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
    - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP / KONTRAK</b>
<b>LOKASI</b>	<b>:</b>	<b>UTM KUALA LUMPUR</b>

## **SYARAT TAMBAHAN:**

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok adalah sangat tidak digalakkan memohon.
4. Sahsiah:
  - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
  - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
  - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugasan hakiki.
  - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
  - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

## **DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
- 2) Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.

- 3) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
- 4) Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- 5) Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (**Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas**)
- 6) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 7) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan **Buku Perkhidmatan** dan **Laporan Penilaian Prestasi** terkini melalui pos kepada:

**Seksyen Sumber Manusia  
Bahagian Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 Kuala Lumpur.**